

17/03/1998

Perkongsian bestari jaring kemakmuran

Kamal Ahmad

PERKONGSIAN bestari adalah formula terbaik kepada apa juga bentuk organisasi untuk menghadapi cabaran, memperkukuh operasi dan kerjasama serta melakukan penerokaan baru dalam semua bidang.

Dalam konteks nasional, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan, kejayaan Wawasan 2020 mungkin sukar dicapai tanpa perkongsian bestari di kalangan syarikat dan industri di peringkat nasional dan antarabangsa. Di peringkat dalaman, kerjasama tiga penjurong - kerajaan, sektor swasta dan pekerja perlu diperkukuh dari semasa ke semasa bagi menjamin kelancaran pelaksanaan program pembangunan.

"Amalan perkongsian bestari akan menghasilkan penggunaan sumber secara optimum, pengurangan kos serta perkongsian kepakaran," katanya sambil menyatakan perkongsian adalah terminologi Malaysia yang menekankan konsep 'menang-menang' antara rakan kongsi dan diperkenalkan melalui Dialog Antarabangsa Langkawi (LID) Pertama 1995.

Sebagai nadi pertumbuhan ekonomi, keputusan Bank Negara mengarahkan 39 syarikat kewangan tempatan bergabung, adalah tepat kerana menyedari pendekatan perkongsian bestari, mampu menyelamatkan semua syarikat terbabit daripada terjejas terus berikutan kegawatan ekonomi sekarang. Mereka diberi tempoh sehingga 31 Mac ini untuk bergabung menjadi lima atau enam firma saja.

Kemudian sudah ada bank mengikut nasihat kerajaan supaya turut melakukan penggabungan kerana ia memenuhi maksud penggunaan sumber secara optimum, pengurangan kos serta perkongsian kepakaran.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan kesan penggabungan bank ialah pengurangan kos operasi sehingga separuh, kerana sebarang urusan dan perkhidmatan bertindih boleh diselaraskan menjadi satu.

"Dalam soal penggabungan bank, perkara utama ialah penjimatan kos operasi yang besar. Apabila bergabung, disebabkan saiz, kecekapan dan pengurusan yang berkeupayaan serta suntikan modal, ia menjadi lebih kukuh," katanya.

Anwar menegaskan, perkongsian bestari adalah konsep yang perlu diberi keutamaan pada masa depan. Ia berasaskan aplikasi dalam teknologi dan teknik terkini bagi menjamin kita boleh melakukan transformasi kualitatif untuk menjadi masyarakat bertamadun yang tulen.

Setiausaha Eksekutif Dialog Perkongsian Bestari Kebangsaan 98 (NSPD 98), Ahmed Tasir Lope Pihie, berkata dialog itu penting dalam menyumbang kepada falsafah, konsep dan amali perkongsian bestari dalam konteks negara yang pesat membangun dalam menghadapi cabaran globalisasi serta zaman maklumat.

Oleh itu, penggabungan secara bestari juga harus dilihat dalam mengurangkan persaingan pasaran dan memperolehi modal, memantapkan rangkaian pemasaran, meningkatkan perolehan, memansuhkan tugas serta peranan bertindih.

Sehubungan itu, semua pihak harus berfikir dan mencari jalan untuk melakukan perkongsian bestari dalam bidang masing-masing. Semua pihak tahu, kegawatan ekonomi menjejaskan operasi hampir semua bidang ekonomi. Oleh itu, kita harus meneliti saranan Dr Mahathir iaitu perkongsian bestari adalah cara terbaik untuk mencapai pemulihan ekonomi.

"Setiap yang menghalang usaha perkongsian bestari perlu dielak dan ditolak. Dengan cara itu, kita akan pulih lebih awal dan semua akan menikmati faedahnya," kata Perdana Menteri.

Dalam hubungan itu, konsep perkongsian bestari khususnya melalui penggabungan harus diteliti dan dilaksanakan. Contohnya:

- \* Penggabungan syarikat broker saham yang tidak ada sokongan syarikat induk berasaskan kewangan. Ini adalah tugas Suruhanjaya Sekuriti (SC) untuk menyelamatkan syarikat broker saham kecil yang tidak ada sokongan syarikat induk yang berasaskan kewangan;

- \* Penggabungan syarikat binaan utama dengan syarikat kontraktor kelas kecil. Masalah ekonomi menyebabkan kerajaan dan swasta terpaksa membekukan banyak projek pembinaan kerana kesulitan mendapatkan modal bank. Jika program mentor-mentee, boleh dilaksanakan ketika ekonomi sihat, pendekatan yang sama juga boleh dilaksanakan dalam keadaan ekonomi sekarang;

- \* Penggabungan kalangan kontraktor kecil melalui penubuhan konsortium.

Dalam suasana sekarang, penggabungan `sebatang lidi menjadi sebatang penyapu' adalah langkah paling tepat. Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia (PKMM) umpamanya harus memikirkan sesuatu untuk kebanyakan ahlinya yang tenat sekarang:

- \* Penggabungan syarikat insurans menjadi beberapa firma induk.

- \* Penggabungan anak syarikat Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN). Ketika ini banyak syarikat kerajaan negeri yang berniaga dalam bidang yang sama atau hampir sama seperti perladangan dan pembalakan.

Selain itu, potensi penggabungan dilihat boleh dilakukan dalam bidang pengangkutan, syarikat penghantaran, syarikat ejen pelancongan, ternakan, makanan, tekstil dan telekomunikasi. Malah, konsep perkongsian bestari harus dilihat oleh peneraju sektor pendidikan swasta melalui penggabungan antara 200 kolej tempatan menjadi beberapa kolej induk mengikut kesesuaian bidang. Melalui pengukuhan operasi dan modal, penggabungan kolej akan memantulkan kecemerlangan kursus sekali gus Malaysia sebagai destinasi pusat kecemerlangan serantau dan antarabangsa.

Malah Kementerian Pendidikan harus melihat kepada kemungkinan bersikap lebih luwes jika ada antara kolej terbabit mampu membentuk konsortium menubuhkan universiti. Selain itu, jika kementerian tidak mempunyai modal mencukupi, konsep perkongsian bestari harus dirujuk dengan kesediaan mereka berkongsi modal dengan konsortium kolej swasta untuk menubuhkan universiti separuh awam.

Sejajar dengan matlamat menyediakan tempat kepada pelajar tempatan dan asing serta mengeksport pemikiran Malaysia melalui sistem pendidikan dan sosial di pusat pengajian tinggi, perkongsian bestari perlu dilaksanakan segera.

Selain, itu kerajaan sendiri harus menyelami maksud perkongsian bestari dengan meneliti semula semua program pembangunan yang membabitkan semua kementerian serta agensinya. Ini kerana memang ada kementerian `menuntut hak' yang sama untuk mendapatkan peruntukan tertentu sedangkan golongan sasaran adalah kumpulan yang sama.

Kebijaksanaan mengelakkan pertindihan projek antara agensi melalui satu perbincangan tegas tetapi rasional, adalah satu perkongsian bestari yang mampu menjimatkan wang kerajaan. Kerajaan juga harus mengkaji semula beberapa aspek dalam agensi kemajuan wilayah supaya tidak berlaku pertindihan tugas dengan Kementerian Pertanian dan Kementerian Pembangunan Luar Bandar kerana semua itu membabitkan peruntukan yang besar.

Dalam isu kepenggunaan, perkongsian bestari harus dilihat untuk mengikis peranan orang tengah yang zaman-berzaman menguasai pasaran. Ini termasuk usaha agensi kerajaan dengan kerjasama koperasi, persatuan atau pertubuhan peladang dan nelayan menubuhkan pusat-pusat jualan hasil segar. Menyingkirkan peranan orang tengah akan membolehkan pengeluar memperoleh harga jualan lebih tinggi manakala pengguna boleh mendapat harga lebih rendah yang mana kedua-dua bahagian harga itu selama ini dikaut oleh orang tengah.

Kesatuan sekerja juga boleh melaksanakan konsep perkongsian bestari dalam beberapa aspek untuk melindungi kepentingan ekonomi dan kebajikan ahli.

Di sini jelas menunjukkan, perkongsian bestari adalah rangkuman kepercayaan, jaringan kerja dan pencapaian persetujuan ke arah membina agenda yang sama dan menikmati faedah serta kemakmuran bersama.

(END)